

A. Kenal pasti 10 perbandingan semacam yang menggunakan nama haiwan.

manis umpama madu	degil macam keldai	pedas macam cili	rajin macam semut
angkuh seperti merak	masam seperti cuka	kencang macam ribut	pucat seperti mayat
besar macam gajah	jinak macam merpati	garang macam harimau	busuk macam bangkai
riuh macam pasar	lambat macam kura-kura	nipis macam kertas	takut macam tikus
bebas macam burung	pandai macam kancil	lembut macam sutera	bijak laksana pendeta

B. Tuliskan perbandingan semacam yang betul berdasarkan jawapan dalam A.

1. Kita mestilah mempunyai sikap _____ untuk mencapai kejayaan.
2. Adik kuat makan, tidak hairanlah jika badannya _____.
3. Sejak dibebaskan dari pusat tahanan itu, dia berasa _____.
4. Perangai Alissa yang _____ itu kurang disenangi oleh rakan-rakannya.
5. Semua guru senang dengan Zamani kerana dia _____.
6. Perangai Abu _____ jika disuruh mandi pagi.
7. Azimah yang berlari _____ itu diejek oleh rakan-rakannya.
8. Murid-murid sangat takut akan Cikgu Lim kerana beliau _____.
9. Zaidah _____ dan tidak mudah dipengaruhi.
10. Adik lari kerana _____ mendengar bunyi mercun.